

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
(TENGGARA)**

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan agensi yang terlibat dalam memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran bagi membolehkan penganggur belia mendapatkan latihan semula dan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi pasaran buruh serta apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan untuk mempergiat kolaborasi dengan pihak industri untuk menambah baik kualiti program di institusi TVET pada tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Tenaga Manusia (JTM) giat melaksanakan program berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat bagi tujuan peningkatan kemahiran secara berterusan kepada masyarakat khususnya golongan belia. Pelbagai kursus kemahiran sama ada secara sepenuh masa atau berbentuk jangka pendek ditawarkan kepada golongan ini sebagai langkah untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan ilmu berkaitan sebelum memasuki pasaran pekerjaan.
2. JTM menerusi 32 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh Malaysia menawarkan pelbagai kursus berteraskan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET)

SOALAN NO : 28

yang selari dengan kehendak pasaran pekerjaan sekarang. Golongan belia ini berpeluang untuk mendalami pelbagai kemahiran seperti Mekanikal, Elektrikal, Sivil, Automotif dan Teknologi Maklumat bermula daripada peringkat Sijil hingga ke Diploma Lanjutan di ILJTM.

3. Selain itu, JTM turut melaksanakan kursus jangka pendek yang berkonsepkan modular atau *customized*, dan ianya adalah terbuka kepada mereka yang berhasrat untuk meningkatkan kemahiran sedia ada ataupun mempelajari kemahiran-kemahiran baru sebagai persiapan memasuki pasaran pekerjaan. Kursus-kursus yang dianjurkan oleh ILJTM ini sentiasa dihebahkan kepada masyarakat menerusi pelbagai platform promosi bagi memastikan golongan sasaran ini mengetahui akan peluang yang ditawarkan.

4. Menerusi penyertaan golongan belia di dalam kursus-kursus jangka pendek yang ditawarkan, mereka berpeluang untuk ditauliahkan dengan Pensijilan Kemahiran Malaysia menerusi kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). ILJTM telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah PPT, dan ini membolehkan para peserta mendapatkan khidmat bimbingan dari ILJTM bagi membangunkan portfolio berdasarkan pengalaman yang mereka miliki sebelum diverifikasi oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

5. Kolaborasi bersama industri merupakan elemen penting di dalam usaha meningkatkan kualiti latihan di institusi TVET. Sehubungan dengan itu, JTM sentiasa mengambil langkah proaktif menjalinkan hubungan dengan pihak industri sama ada menerusi pemeteraian perjanjian persefahaman (MoU) atau *smart partnership*. Menerusi kolaborasi ini, JTM berpeluang untuk mendapatkan input berkaitan keperluan sebenar industri bagi memastikan kurikulum latihan adalah sepadan dengan keperluan mereka. Kolaborasi ini juga dapat menggalakkan berlakunya proses pemindahan kemahiran dan teknologi daripada industri kepada ILJTM di dalam memastikan

SOALAN NO : 28

institut dapat menerapkan elemen-elemen tersebut di dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

6. Dalam usaha meningkatkan kolaborasi bersama pihak industri, JTM telah menetapkan sasaran kepada setiap ILJTM untuk mengadakan lawatan jalinan industri sekurang-kurangnya ke 15 buah syarikat sepanjang tahun 2019. Menerusi lawatan ini, ILJTM berpeluang untuk meneroka pelbagai peluang kerjasama bersama syarikat-syarikat yang dilawati dan pada masa yang sama pihak syarikat dapat menyampaikan input-input yang relevan berkaitan keperluan pasaran kerja semasa.

7. JTM turut mengambil pendekatan menubuhkan *Institute-Industry Management Board (IIMB)* bermula pada tahun 2019, di mana IIMB ini merupakan satu platform yang akan melibatkan pihak industri di dalam merancang program, kurikulum dan infrastruktur latihan di ILJTM agar ianya selari dengan kehendak pasaran kerja semasa. Penubuhan IIMB ini juga diharapkan dapat membantu di dalam meningkatkan penglibatan industri bagi menambah baik kualiti latihan TVET dan pada masa yang sama mempromosikan latihan TVET di kalangan industri.

8. Sejalan dengan fenomena Industri 4.0 pada hari ini, JTM giat mengorak langkah membuat persiapan bagi mewujudkan ekosistem latihan TVET yang selari dengan keperluan revolusi tersebut di ILJTM. Sehubungan dengan itu, JTM mengambil pendekatan mengadakan kolaborasi bersama Penang Skills Development Centre (PSDC) melalui beberapa siri lawatan *benchmarking*, perbincangan dan pelaksanaan kursus-kursus yang bersesuaian. Berdasarkan pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh PSDC di dalam melaksanakan latihan berorientasikan Industri 4.0 ini, JTM mampu untuk mendapatkan pelbagai input dan idea yang bersesuaian bagi diterapkan di dalam latihan TVET di ILJTM.